

04/08/2001

MNLF, MILF setuju bersatu

Fazli Abdullah

CYBERJAYA, Jumaat - Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) hari ini menandatangani memorandum persefahaman awal bagi menyatukan dua kumpulan itu yang mewakili penduduk Islam di Mindanao, selatan Filipina.

Perjanjian perpaduan itu yang akan mengakhiri pertelagahan dua kumpulan berkenaan sejak 25 tahun lalu, akan ditandatangani secara rasmi sempena lawatan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo ke negara ini, minggu depan.

Arroyo dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual menyaksikan majlis bersejarah itu.

Persefahaman awal hari ini ditandatangani anggota eksekutif MNLF yang mewakili organisasi itu, Hatimil Hassan dan Naib Pengerusi MILF, Murad Ebrahim, yang disaksikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak di Cyberview Lodge di sini.

Menerusi perjanjian itu, kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan badan baru dikenali Bangsamoro Solidariti Conference (BSC) yang akan mewakili masyarakat itu dalam perhubungan dengan kerajaan Filipina dan masyarakat antarabangsa termasuk Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

Selain itu, mereka akan menubuhkan satu majlis perundingan bagi menyelaraskan kegiatan bagi mencapai perpaduan yang dipersetujui serta menguatkuasakan gencatan senjata.

MILF yang ditubuhkan pada 1978, adalah serpihan MNLF. MILF ditubuhkan dua tahun selepas perjanjian keamanan pertama yang ditandatangani pemimpin MNLF, Nur Misuari dan Imelda Marcos, isteri Presiden Filipina ketika itu, Ferdinand Marcos, di Tripoli, Libya pada 1976.

MNLF kemudian menandatangani satu lagi perjanjian keamanan dengan Manila pada September 1996 yang menjurus kepada penubuhan wilayah separuh autonomi Islam Mindanao (ARMM) dan Nur Misuari dilantik sebagai gabenor.

(END)